

31 JUL 1998

Mahathir-kerjasama

LAWATAN DR MAHATHIR KE MOZAMBIQUE BERHASIL

Oleh: Zulkefli Salleh

MAPUTO (MOZAMBIQUE), 31 Julai (Bernama) -- Malaysia dan Mozambique hari ini menandatangani perjanjian kerjasama ekonomi, sains, teknikal dan kebudayaan pada hari terakhir lawatan tiga hari Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara selatan Afrika ini yang disifatkan sebagai amat berhasil.

Perjanjian itu, yang kedua antara Malaysia dan Mozambique sejak Presiden Joaquim Alberto Chissano melawat Kuala Lumpur pada Mac tahun lepas, akan merintis jalan bagi kerjasama lebih meluas antara kedua-dua negara.

Pada April tahun lepas, Malaysia menandatangani Perjanjian Pembayaran Dua Hala dengan Mozambique dan dijangka memeterai Perjanjian Cukai Berganda dan Perjanjian Jaminan Pelaburan tidak lama lagi untuk memudahkan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir memberitahu persidangan berita bersama Presiden Chissano sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur bahawa hasil daripada lawatan itu, beberapa bidang kerjasama khususnya di sektor pertanian, telah dikenal pasti.

"Saintis pertanian dari kedua-dua pihak berpendapat kedua-dua negara mampu bekerjasama dalam bidang penyelidikan kerana di beberapa kawasan di Mozambique, iklimnya hampir serupa dengan di Malaysia," katanya.

"Tentunya ada tanaman di Mozambique yang kami boleh gunakan, tertakluk kepada penyelidikan," kata Dr Mahathir yang melawat sebuah pusat penyelidikan pertanian di sini semalam.

Malaysia dan Mozambique juga telah mengenal pasti bidang kerjasama lain yang memerlukan kedua-dua negara saling lebih memahami supaya kerjasama itu dapat ditingkatkan.

Kerjasama dalam sektor perbankan antara kedua-dua negara telah dipelopori tahun lepas oleh Southern Bank Berhad yang membeli 51 peratus kepentingan dalam Banco Austral, sebuah daripada bank terbesar Mozambique dengan 196 cawangan.

"Kerjasama dalam sektor perbankan akan menyumbang kepada kedudukan kewangan Mozambique kerana pembiayaan diperlukan bagi projek yang bukan saja melibatkan syarikat Malaysia tetapi juga ahli perniagaan Mozambique," katanya.

Dr Mahathir dan Presiden Chissano semalam melancarkan bank itu dan logo korporatnya dalam satu upacara gilang gemilang yang termasuk pancaran laser dan pertunjukan bunga api di sebuah hotel di sini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia juga akan menceburi sektor perumahan di Mozambique melalui sebuah konsortium yang terdiri daripada Bina Puri Holdings dan Chase Perdana Berhad dari Malaysia bersama SIR Group dan Majlis Perbandaran Maputo dari Mozambique.

Konsortium itu akan menjalankan projek pembangunan bandar di Zimpeto di sini di kawasan seluas 375 hektar dengan membina 2,000 unit rumah, bangunan komersil, rumah kedai, stesen minyak dan harta komersil lain.

Dr Mahathir juga menyaksikan majlis menandatangani perjanjian bagi projek bernilai AS\$50 juta itu di hotel yang sama. Bina Puri diwakili oleh Pengarah Urusan Kumpulan Datuk Tee Hock Seng dan Chase Perdana oleh Pengerusi Eksekutifnya Datuk Dr Mohan Swami manakala SIR Group oleh presidennya Armade Chemane Camal Jr dan Majlis Perbandaran oleh Datuk Bandar Maputo Artur Canana.

Mengenai projek itu Dr Mahathir berkata: "Ia satu bidang yang Malaysia mempunyai kebolehan dan dapat bekerjasama dengan ahli perniagaan Mozambique

dan juga majlis perbandaran negara itu."

Mengenai lawatannya, Dr Mahathir berkata: "Kita telah menjalin hubungan baik dengan kerajaan Mozambique dan kita mendapat tahu mengenai keperluan Mozambique daripada segi pelaburan dan negara tuan rumah juga tahu mengenai kebolehan dan tahap keupayaan Malaysia."

Dr Mahathir berkata hasil lawatan itu, lebih banyak hubungan akan dijalin oleh menteri-menteri kabinet dan pegawai-pegawai kerajaan antara kedua-dua negara.

Mereka akan mengenal pasti bidang-bidang kerjasama lain termasuk pengeluaran dan pembelian gajus kerana Mozambique merupakan pengeluar utama.

Malaysia, kata Perdana Menteri, juga berminat mendapatkan keperluannya dari Mozambique kerana buat masa ini perdagangan antara kedua-dua negara lebih memihak kepada Malaysia.

"Kami perlu mengenal pasti apa yang kami boleh import dari Mozambique untuk mengurangkan ketidakseimbangan dalam perdagangan," katanya.

Eksport Malaysia ke Mozambique berjumlah AS\$1.73 juta sementara import berjumlah AS\$5,037 tahun lepas.

Dr Mahathir juga mengadakan satu lagi pusingan perbincangan dua hala dengan Chissano dan kemudian bertemu dengan Menteri-menteri Kabinet Mozambique untuk menerangkan kepada mereka mengenai usaha memusnahkan ekonomi-ekonomi Asia Timur termasuk Malaysia.

Semasa pertemuan itu, Dr Mahathir berkata kedua-dua pihak mengenal pasti sebab-sebab mengapa mata wang Mozambique tidak menjadi sasaran pedagang mata wang dan banyak yang boleh dipelajari oleh Malaysia daripada Mozambique dalam hal ini.

Dr Mahathir menyatakan rasa gembiranya kerana walaupun Malaysia dilanda masalah ekonomi, ia tidak menghalangnya daripada menjalin kerjasama teknikal, saintifik dan penyelidikan bersama Mozambique.

Sementara itu, Chissano memberitahu persidangan berita yang negara beliau menaruh harapan kepada Malaysia dalam usaha merapatkan jurang ekonomi kesan peninggalan amalan aparteid.

"Hanya mereka yang rapat dengan Malaysia seperti kita tahu yang Malaysia berjaya mewujudkan kesaksamaan. Saya berpendapat kita boleh mencontohi kejayaan di Malaysia," katanya.

Chissano berkata, beliau kini lebih faham akan masalah mata wang yang dihadapi Malaysia selepas diberi taklimat oleh Dr Mahathir mengenai perkara itu.

Chissano kemudian menghantar pulang Dr Mahathir dan rombongan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Maputo.

-- BERNAMA

ZKS MHI